



Artikel AMBD

KAD KREDIT #101: MEMAHAMI CAJ FAEDAH

Kad kredit merupakan satu alat kemudahan serbaguna yang boleh digunakan untuk membuat pembayaran atau sebagai sumber kewangan dalam waktu kecemasan. Walaupun pelbagai faedah boleh didapatkan daripada penggunaan kad kredit, pemilik kad kredit perlulah menggunakannya secara bertanggungjawab, serta memahami bagaimana caj faedah dikira dan dikenakan. Artikel ini bertujuan untuk menjadi panduan untuk penggunaan kad kredit secara bertanggungjawab.

Disclaimer:

Contoh-contoh dalam artikel ini adalah untuk **tujuan ilustrasi sahaja**. Pemegang kad kredit digalakkan untuk menyemak dengan institusi kewangan masing-masing bagaimana kadar faedah kad kredit dikira. Sebagai contoh, sesetengah institusi kewangan mengenakan caj faedah ke atas pemegang kad kredit pada kadar harian.

Nota: Bagi kad kredit yang dikeluarkan oleh bank Islam, istilah yuran pentadbiran adalah dikenakan.

Jenis-Jenis Pemilik Kad Kredit: “Transactors” atau “Revolvers”?

Transactors

Transactors adalah pemegang kad kredit yang lebih cenderung kepada membayar bil kad kredit mereka secara penuh. Oleh itu, mereka dianggap mempunyai tahap risiko kredit yang rendah.

Sebagai contoh: Hussein membeli barang keperluan dapur bernilai B\$250.00 dengan menggunakan kad kreditnya. Hussein kemudian membayar balik jumlah tersebut secara penuh setelah menerima bilnya.

Revolvers

Revolvers adalah pemegang kad kredit yang membawa baki tertunggak dari sebulan ke sebulan. *Revolvers* dianggap mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi, terutamanya bagi mereka yang mengumpul jumlah baki tunggakan yang besar. *Revolvers* hendaklah memastikan baki tunggakan dibayar tepat pada masanya dan perlulah berhati-hati terhadap kesan caj faedah berkompauan dan caj bayaran lewat.

Sebagai contoh: Siti membeli sebuah komputer yang berharga B\$1,200.00 dengan menggunakan kad kreditnya, dan memilih untuk hanya membayar jumlah minima yang dituntut.

Bertindak Secara Bertanggungjawab: Elakkan Pembayaran Lewat!

1. Peluang untuk mendapatkan pinjaman baru boleh berkurangan

Biro Kredit, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (CB, AMBD) mengumpul, dan menggabungkan maklumat perbankan dan bukan perbankan (seperti bil utiliti) untuk menghasilkan skor kredit dan laporan kredit bagi seseorang individu dan syarikat-syarikat. Institusi kewangan akan membuat penilaian kredit ke atas permohonan peminjam dengan menggunakan maklumat tersebut. Pemegang kad kredit yang membuat pembayaran tidak tepat waktu akan dianggap sebagai peminjam berisiko tinggi. Ini akan mengurangkan peluang untuk diberikan kemudahan kredit yang baru.

2. Memahami “Caj Faedah Berkompauan”

Caj faedah berkompauan merupakan jumlah tambahan yang perlu dibayar akibat tunggakan dan faedah yang terkumpul. Awda juga akan dikenakan caj tambahan jika membuat pembayaran selepas tarikh akhir yang telah ditetapkan.

Sebagai contoh: Abu membeli komputer riba yang berharga B\$1000.00 dengan kad kreditnya. Jika Abu tidak membuat sebarang pembayaran dan dikenakan caj faedah pada kadar 1.5% sebulan, serta caj bayaran lewat sebanyak B\$40.00 setiap bulan, jumlah yang Abu perlu bayar adalah seperti berikut:

SENARIO: TIDAK MEMBUAT SEBARANG PEMBAYARAN BALIK				
Bulan	Jumlah Awal Bulan	Caj Faedah @ 1.5%	Caj Pembayaran Lewat	Jumlah Tertunggak
Januari	B\$ 1,000.00	B\$ 15.00	B\$ 40.00	B\$ 1,055.00
Februari	B\$ 1,055.00	B\$ 15.83	B\$ 40.00	B\$ 1,110.83
Mac	B\$ 1,110.83	B\$ 16.66	B\$ 40.00	B\$ 1,167.49
April	B\$ 1,167.49	B\$ 17.51	B\$ 40.00	B\$ 1,225.00
Mei	B\$ 1,225.00	B\$ 18.37	B\$ 40.00	B\$ 1,283.37
Jun	B\$ 1,283.37	B\$ 19.25	B\$ 40.00	B\$ 1,342.63
Julai	B\$ 1,342.63	B\$ 20.14	B\$ 40.00	B\$ 1,402.76
Ogos	B\$ 1,402.76	B\$ 21.04	B\$ 40.00	B\$ 1,463.81
September	B\$ 1,463.81	B\$ 21.96	B\$ 40.00	B\$ 1,525.76
Oktober	B\$ 1,525.76	B\$ 22.89	B\$ 40.00	B\$ 1,588.65
November	B\$ 1,588.65	B\$ 23.83	B\$ 40.00	B\$ 1,652.48
Disember	B\$ 1,652.48	B\$ 24.79	B\$ 40.00	B\$ 1,717.27
Jumlah keseluruhan		B\$ 237.27	B\$ 480.00	-

Dalam waktu setahun, baki tunggakan daripada kad kredit Abu akan meningkat daripada B\$1,000 ke B\$1,717.27 - hampir dua kali ganda jumlah asalnya. Oleh itu, membuat pembayaran tepat pada waktunya adalah sangat penting bagi mengelakkan daripada caj-caj ini, dan awda juga boleh menjimat wang awda!

Tips Kewangan Bagi Pengurusan Kad Kredit yang Lebih Baik

1. Pantau perbelanjaan awda

Gunakan kad kredit awda secara bijak, sebaik-baiknya hanya untuk tujuan kecemasan. Pantau perbelanjaan kad kredit awda dan pastikan ia adalah mengikut kemampuan. Dengan penyediaan bajet serta mengetahui perbezaan antara keperluan dan kehendak awda, awda boleh mengelakkan diri daripada berbelanja secara berlebihan.

2. Ketahui tarikh akhir pembayaran awda

Ketahui tarikh akhir pembayaran awda dan pastikan pembayaran bulanan awda dilunaskan pada masa yang ditentukan untuk mengelakkan caj tambahan. Baki pembayaran termasuk caj faedah yang tidak dilangsaikan akan dikenakan kompaun dalam penyata pembayaran seterusnya.

3. Bayar lebih daripada jumlah minima dan tepat pada masanya

Berikutan contoh Abu di atas, jadual di bawah menunjukkan perbezaan jika Abu membayar hanya jumlah minima (8%) atau lebih daripada jumlah minima (15%).

Jika Abu hanya membayar jumlah minima setiap bulan, dia akan melangsaikan hutangnya dalam tempoh **24 bulan** dengan jumlah keseluruhan B\$1,305.88.

Sebaliknya, jika Abu membayar lebih daripada bayaran minima, hutangnya akan dilangsaikan dalam tempoh **16 bulan**, dengan jumlah keseluruhan B\$1,160.24.

Dengan membayar lebih daripada bayaran minima, Abu boleh melangsaikan hutangnya dengan lebih cepat dan pada jumlah keseluruhan yang lebih rendah.

Senario	Membayar 8% daripada jumlah yang tertunggak	Membayar 15% daripada jumlah yang tertunggak
Jumlah Tunggakan awal	B\$ 1,000	
Kadar faedah atas jumlah tertunggak	1.5% setiap bulan	
Masa yang diambil untuk membayar hutang	2 tahun or 24 bulan	1.3 tahun or 16 bulan
Jumlah yang perlu dibayar	B\$ 1,305.88	B\$ 1,160.24

4. Bayar bil kad kredit awda secara penuh dan tepat pada masanya

Kitaran bil secara lazimnya adalah selama 28 ke 31 hari, dengan tempoh tangguh atau bebas faedah di antara hujung kitaran bil dan tarikh akhir pembayaran. Oleh itu, awda digalakkan untuk membayar kad kredit awda sepenuhnya sebelum berakhirnya tempoh tangguh kerana ini akan mengelakkan awda daripada dikenakan sebarang caj faedah.

5. Ambil perhatian terhadap caj yang dikenakan dengan menggunakan kemudahan wang tunai pendahuluan (cash advance)

Pemegang kad kredit juga dinasihatkan untuk berhati-hati menggunakan kemudahan pendahuluan tunai kad kredit mereka kerana faedah akan dikenakan sejurus selepas wang tunai dikeluarkan. Caj faedah juga akan dikenakan pada kadar harian yang boleh menyebabkan baki tunggakan meningkat dengan cepat.

Tahukah Awda?!

1. Awda boleh memanfaatkan pelan pembayaran ansuran dengan caj faedah 0%

Sesetengah institusi kewangan membenarkan baki kad kredit ditukarkan kepada pelan bayaran ansuran bulanan bagi tempoh 6, 12, 18 atau 24 bulan dengan membayar yuran pemprosesan dan dikenakan caj faedah 0% ke atas bayaran ansuran tersebut. Sebagai contoh, Abu menggunakan kad kreditnya untuk membeli komputer baru bernilai B\$1,000.00. Dengan menggunakan pelan bayaran ansuran 12 bulan, Abu hanya perlu membayar B\$83.33 sebulan selepas membayar yuran pemprosesan.

2. Kemudahan pembayaran

Dengan menggunakan kemudahan perbankan dalam talian (*online*) atau aplikasi mudah alih perbankan, awda bukan sahaja dapat memantau baki bulanan kad kredit awda, malahan juga membolehkan awda untuk mengetahui bila awda perlu membuat pembayaran. Pemilik kad kredit juga boleh memanfaatkan kemudahan *direct debit* untuk mengelakkan daripada gagal membuat pembayaran tepat pada waktunya.

Kesimpulan

Memiliki kad kredit boleh memanfaatkan awda kerana ia boleh menjadi sumber dana kecemasan alternatif selain daripada menggunakan simpanan tunai awda. Walau bagaimanapun, awda hendaklah berhati-hati dan memastikan untuk bertanggungjawab dalam menggunakan kad kredit. Sebelum awda memohon untuk memiliki kad kredit, pastikan awda bertanya kepada institusi kewangan mengenai maklumat-maklumat penting seperti tarikh pembayaran, caj-caj yang mungkin dikenakan termasuk pembayaran lambat dan caj penalti jika tidak membuat sebarang pembayaran.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Isu Pengguna Kewangan AMBD di fci-edu@ambd.gov.bn dan ikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Ruj: AMBD/COMMS/5

Tarikh: 24 Mei 2019 / 19 Ramadhan 1440